



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 30 MEI 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

# Persatuan penternak gesa semak mekanisme subsidi diesel bersasar

**FLFAM bimbang pengusaha guna jana kuasa, traktor di ladang tak dapat insentif**

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
 farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Persekutuan Persatuan-Penternak Masyarakat (FLFAM) meminta kerajaan menimbang semula mekanisme subsidi diesel bersasar sebelum pelaksanaannya.

FLFAM membangkitkan kebanyakkan penternak menggunakan jana kuasa dan traktor di ladang yang mana tidak akan menikmati subsidi diesel.

Penasihat FLFAM, Datuk Jeffrey Ng, berkata sekiranya subsidi diesel bersasar dilaksanakan tanpa mengambil kira keimbangan

yang dihadapi petani kecil, kerajaan perlu bersedia dengan kenaikan harga barang.

Katanya, ketika ini Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) hanya diberikan kepada kenderaan pengangkutan yang layak antaranya lori rigid pertanian dan lori rigid kandang haiwan.

"Bagaimanapun pada masa sama, kebanyaknyaan ladang ayam menggunakan peralatan jana kuasa dan traktor untuk operasi harian, namun pembelian diesel bagi alat berkenaan adalah mengikut pasaran terbuak."

"Sehubungan itu, kami berharap kerajaan dapat mempertimbangkan permasalahan dihadapi dan mencari jalan penyelesaian terbaik."

"Jika tidak kami memohon harga siling bagi ayam dan telur dimansuhkan bagi membolehkan kos tambahan dipindahkan kepada pengguna," katanya.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan petani, penternak dan pengusaha

akuakultur yang layak boleh mendaftar dengan Sistem Pendaftaran GeoAgro.

## Kemuka segera permohonan

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup, Fuziah Salleh berkata, pemilik kenderaan diesel bagi tujuan mengangkut barang perlu menggunakan segera permohonan mendapatkan *fleet card* agar boleh terus menikmati subsidi bahan api.

Katanya ia akan diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN).

Jeffrey berkata, antara syarat layak permohonan subsidi BUDI Agri-Komoditi adalah pengusaha pertanian kecil yang aktif menjana nilai jualan hasil pertanian tahunan dari RM50,000 hingga RM300,000.

Bagaimanapun katanya, kebanyakkan penternak memperoleh hasil jualan melebihi RM300,000. Oleh itu, mereka tidak layak untuk menerima subsidi.

"Pada masa sama, petani kecil turut terbeban dengan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), di mana penghantaran barang bagi setiap metrik akan dikenakan caj tambahan RM2 hingga RM3."

"Kami terpaksa menanggung kos berkenaan, namun pada masa sama perlu mengekalkan harga barang tanpa memindahkan kos kepada pelanggan. Perkara ini sangat membebankan," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua

Jika tidak kami memohon supaya harga siling bagi ayam dan telur dimansuhkan bagi membolehkan kos tambahan dipindahkan kepada pengguna

Jeffrey Ng,  
 Penasihat FLFAM



## Pelaksanaan subsidi diesel bersasar

### Penerima BUDI Agri-Komoditi

Bantuan tunai bulanan RM200

Petani kecil

Tanaman

Akuakultur

Sawit

Getah

Koko

Lada

Kenaf

Jenis-jenis kenderaan yang layak menerima SKDS (Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi)

Bas sekolah

Kereta sewa

Bas ekspres

Taksi

Bas henti-henti

Van & Lori Mayat

Bas Mini

Bas Pengantara

Ambulans

Bomba

Lori rigid (curtain sider)

Lori katering makanan

Lori rigid (hasil pertanian)

Lori tangki rigid (minuman)

Lori rigid (kandang haiwan)

Lori rigid (kombinasi)

Lori rigid (open platform)

Lori rigid (perkhidmatan bergerak)

Lori rigid (sampah)

Van perkhidmatan bergerak

Bas katering makanan

Van katering makanan

Semi (van panel)

Pekebur kecil di Semenanjung Malaysia yang berdaftar dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPJM) atau Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) \*Pemohon dan nelayan tidak berhak untuk permohonan subsidi diesel fasa pertama.

Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKMWP), Datuk Mohamad Abdullah, berkata pihaknya menghargai usaha kerajaan dalam membantu meringankan beban penjaja dan peniaga.

Bagaimanapun, Mohamad berkata, beliau berharap pemberian

subsidi dan bantuan itu dilaksanakan secara sistematis dan tiada mana-mana penerima yang layak akan tercincir.

"Kami berharap supaya tiada birokrasi dan mereka yang sudah mendaftar dalam PADU tidak tertinggal... Jangan indah khabar dataripada rupa," katanya.

# Lebih 80 peratus pengusaha bas sekolah di Sabah, Sarawak tidak nikmati insentif

**Kuala Lumpur:** Lebih 80 peratus pengusaha bas sekolah di Sabah dan Sarawak mendakwa tidak menerima subsidi diesel berikutan masalah pendaftaran membabitkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Presiden Persekutuan Persatuan-Persatuan Bas Sekolah Malaysia, Amali Munif Rahmat, berkata antara syarat sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 1.0 kepada pengusaha bas sekolah adalah mereka perlu mendaftar dengan SSM.

Amali berkata, bagaimanapun kebanyakannya pengusaha bas sekolah di Sarawak berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT), begitu juga dengan bas sekolah milik koperasi dan

pertubuhan anak yatim.

Katanya, pengusaha bas sekolah milik koperasi dan pertubuhan anak yatim tidak menerima subsidi kerana berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

"Selain masalah pendaftaran dengan SSM, pengusaha bas sekolah berdepan masalah dengan syarikat minyak.

"Setiap pengusaha syarikat minyak mempunyai sistem yang tidak seragam sehingga menyukarkan kami untuk mendapatkan subsidi diesel.

"Banyak masalah dengan syarikat minyak, mereka tidak mempunyai sistem yang seragam, ada sesetengah stesen mi-

nyak tidak terima kad subsidi diesel," katanya kepada *BH*.

Kementerian Kewangan (MOF) semalam mengumumkan pelaksanaan Bantuan Subsidi MADANI (BUDI MADANI) susulan Perutusan Negara oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim minggu lalu berhubung keputusan Jemaah Menteri untuk melaksanakan penyasaran subsidi diesel di Semenanjung.

#### Permohonan mula dibuka

Permohonan bagi program BUDI MADANI membabitkan pemilik kenderaan diesel persendirian, petani dan pekebun kecil komoditi dibuka semalam. Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata penerima yang layak akan menerima BUDI MADANI sebanyak RM200 sebulan seiring dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Seri Amir Hamzah Azizan, berkata penerima yang layak akan menerima BUDI MADANI sebanyak RM200 sebulan seiring dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Sehubungan itu, Amali ber-

kata, pihaknya meminta kerajaan supaya memperhalusi syarat kelayakan pemberian subsidi diesel, selain mencadangkan supaya ia diberikan melalui bayaran tunai seperti Program BUDI MADANI.

"Lebih baik fleet card diganti dengan bantuan tunai seperti pemilik kenderaan persendirian. Kerajaan hanya perlu memasukkan perbezaan harga (subsidi) bagi membolehkan kami membayar mengikut harga pam," katanya.

Beliau berkata, pengusaha bas sekolah yang mengalami masalah dengan syarikat minyak turut berdepan kesukaran bertukar kepada stesen lain.

"Sebelum layak menerima subsidi diesel, kami terlebih dahulu perlu membuat permohonan secara dalam talian.

"Selepas menerima kelulusan, kami perlu memohon untuk menerima subsidi di stesen pilihan," katanya.

# Inisiatif untuk kedai buat Menu Rahmah

**KPDN sedia lulus serta-merta Kad Diskaun Khas untuk pengusaha**

Oleh Mohd Amin Jalil  
am@hmetro.com.my

## Nilai

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) akan memberikan kelulusan serta-merta kepada pengusaha dan peniaga makanan yang membuat permohonan mendapatkan Kad Diskaun Khas Menu Rahmah sebagai langkah menggalakkan lebih ramai menawarkan Menu Rahmah di seluruh negara.

Timbalan Menterinya Fuziah Salleh berkata, jika sebelum ini permohonan pengusaha yang memohon kad diskauan berkenaan mengambil masa lama termasuk terpaksa melalui sekatan daripada pihak naiziran dan sebagainya, tetapi kini tidak lagi.

Katanya, pihaknya juga akan memberikan kelulusan secara automatik kepada pengusaha yang menawarkan Menu Rahmah sebelum ini.

"Kita akan percepatkan kelulusan permohonan kad ini, mereka boleh mengemukakan melalui portal <https://menurahmah.kpdn.gov.my> dan kita akan terus keluarkan kad diskauan khas ini."

"Mereka yang memohon sebelum ini juga akan di-

**“Barang mentah ditawarkan ialah ayam, bawang dan pelbagai barang asas**

Fuziah



FUZIAH (dua dari kiri) beramah mesra dengan pelajar dan orang ramai pada sesi penyerahan Kad Diskaun Khas Menu Rahmah KPDN di gerai nasi ayam berempah di Taman Desa Anggerik.

berikan kelulusan automatik. Setakat ini lebih 2,800 premis telah berdaftar," katanya kepada media selepas menyerahkan Kad Diskaun Khas Menu Rahmah kepada peniaga makanan di Taman Anggerik, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Fuziah berkata, pengusaha dan peniaga makanan yang memiliki kad diskauan khas ini berpeluang mendapat kemudahan diskauan sehingga 40 peratus bagi pembelian barang keperluan perniagaan di tujuh pasar raya terpilih.

Beliau berkata, inisiatif ini adalah satu langkah untuk memastikan kelangsungan Program Menu Rahmah sebagai galakan untuk meningkatkan lagi bilangan pengusaha restoran



FUZIAH (kanan) menyampaikan kad diskauan khas menu rahmah kepada peniaga, Suzana Hanum Ibrahim, 40.

menyertai program ini.

"Antara barang mentah yang ditawarkan ialah ayam, bawang dan pelbagai barang asas makanan lain bagi membantu pengusaha mengurangkan kos dalam penyediaan Menu Rahmah," katanya.

Menurutnya, KPDN juga memperluaskan penawaran kad diskauan khas ini bukan sahaja kepada pengusaha restoran malah kepada penjaja dan peniaga kenderaan makanan.

Katanya, pihaknya menyasarkan setiap pengusaha makanan dapat menawarkan sekurang-kurangnya satu menu sebagai Menu Rahmah.

"Mereka tidak perlu menawarkan semua menu yang dijual itu sebagai Menu Rahmah tetapi memadai jika menawarkannya hanya satu menu."

"Ini sudah cukup untuk mereka melayakkan diri mendapatkan kad diskauan khas," katanya.

# Tindakan lebih tegas elak ketirisan bahan api

Tetapkan peraturan baharu sama seperti diamalkan kerajaan Singapura

Oleh ROSLINDA HASHIM  
**BUKIT KAYU HITAM**

Kerajaan diminta bertindak lebih tegas terhadap kenderaan ber-enjin diesel yang memasuki negara ini bagi mengurangkan subsidi bahan api 'diratah' rakyat asing.

Aktivis masyarakat, Syed Araniri Syed Ahmad Al Idrus menyarankan setiap kenderaan yang memasuki negara ini dikenakan syarat bahru seperti perlu perlu penuhkan tangki minyak bagi mengelak disalah guna.

Menurutnya, kerajaan boleh mencontohi Singapura yang menetapkan rakyat perlu mengisi sekurang-kurangnya separuh tangki bahan api sebelum memasuki negara ini.

"Kerajaan Singapura menetapkan 3/4 tangki minyak sebelum masuk ke Malaysia. Itu antara penguatkuasaan kerajaan Singapura di sempadan."

"Kerajaan Thailand tidak menguatkuasakan peraturan seperti Singapura apabila dibenarkan memasuki negara ini dengan tangki ham-pir kosong."

"Oleh itu, kerajaan harus ambil ini-

siatif ketatkan peraturan antaranya mana-mana kenderaan Thailand yang mahu masuki negara perlu mengisi minyak 3/4 tangki, macam mana nak seludup kalau tangki sudah penuh ketika masuk Malaysia," katanya pada Rabu.

Syed Araniri berkata, kawalan seperti itu boleh dilakukan sebagai sekatan di sempadan yang berlaku banyak ketirisan dan penyaludupan.

"Jika tiada peraturan baharu, maha-lah seludup tidak akan selesai sebab stesen minyak hanya fikirkan keuntungan, sukar untuk buat pemantauan berterusan.

"Sekiranya penyasarans subsidi di-en selaksanakan, namun tiada kawalan di sempadan, isu penyaludupan tak akan selesai," ujarnya.

Menurutnya, rakyat Thailand akan terus me-nyeberangi sempadan semata-mata untuk mengisi minyak pada harga murah disebabkan bahan api di negara mahal.

"Penyaludup pula tetap guna pel-bagai taktik untuk seludup. Tidak di-nafikan ada rakyat tempatan seludup petrol bersubsidi ke Thailand sebab permintaan tinggi."

"Kebanyakan kenderaan diubah suai dengan menempatkan tangki tambahan tersembunyi agar tidak da-pat dikesan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos-



**SYED ARANIRI**

Sara Hidup (KPDN)" ujarnya.

Jelasnya, modus operandi lain termasuk meng-upah rakyat tempatan mengisi petrol di stesen minyak menggunakan kenderaan tempatan bagi mengaburi penguat kuasa sebelum bertindak memindahkannya di lokasi tertentu.

Penduduk, Hashim Isa, 60, berkata penduduk sekitar Changlun dan Bukit Kayu Hitam sudah lama melihat kereta nombor pen-daftaran Thailand mengisi minyak sub-sidi di stesen berdekatan sempadan khususnya di lokasi terpencil.

"Sebaik pintu sempadan dibuka dan stesen minyak mula beroperasi, berpusu-pusu kereta Thailand mengisi minyak. Ada datang semata-mata un-tuk isi minyak sehingga penuh dan kembali semula ke Thailand."

"Ini bukan perkara baharu walau-pun penguat kuasa bertindak, senyap sekejap dan selepas itu rancak semula," katanya.

Menurutnya, aktiviti tersebut berla-ku pada waktu puncak sekitar 6 hingga 7.30 pagi dan 5 petang hingga 7.30 malam.

"Jika ada kenderaan mencurigakan berdekatan stesen minyak, kemungkin-an besar mereka tak singgah sebab bimbang diintip penguat kuasa."

"Saya harap bila subsidi diesel se-cara bersasar dikuatkuasakan, aktiviti ini akan berkurang termasuk pe-nyeludupan bahan api," katanya.



## Lagi kes ubah suai lori cuba seleweng diesel

**PUTRAJAYA** - Tindakan pemandu lori mengisi bahan api terlalu lama membongkar kegiatannya cuba menyeleweng diesel menerusi Ops Tiris 3.0 di sebuah stesen minyak di Jalan Jelapang, Ipoh.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Azman Adam berkata, berdasarkan intipan dan risikan, pihaknya bertindak melakukan serbuan kira-kira jam 4 petang pada Jumaat lalu.

Beliau berkata, pemeriksaan menemukan diesel berjumlah 1,700 liter dalam tangki tambahan di bahagian muatan lori terbabit.

"Tangki ini didapati bersambung dengan tangki asal kenderaan selain menjumpai beberapa peralatan lain digunakan untuk aktiviti penyelewengan diesel.

"KPDN kemudian merampas dan menyita lori berkenaan berserta tangki tambahan mengandungi diesel, hos paip, motor pam dan beberapa dokumen berkaitan dianggarkan berjumlah RM23,655," katanya menerusi satu kenyataan pada Rabu.

Katanya, seorang lelaki yang juga pemandu lori berusia 41 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

"Kertas siasatan dibuka dan siasatan lanjut sedang dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) selain mengenal pasti individu atau syarikat lain yang terlibat," katanya.



Pegawai KPDN memeriksa lori ditahan disyaki cuba menyeleweng diesel bersubsidi.

## Pindah diesel guna alat kawalan jauh

**ALOR SETAR** - Sindiket penyeludupan bahan api dikesan menggunakan alat kawalan jauh sebagai taktik terbaharu memindahkan diesel bersubsidi dalam satu serbuan di sebuah stor tidak bernombor di Simpang Empat, di sini, pada Rabu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, pihaknya melakukan risikan selama dua minggu sebelum melakukan serbuan kira-kira jam 10.45 pagi, namun tiada individu atau pemilik ditemukan di premis itu.

"Pemeriksaan lanjut menemukan sejumlah diesel disimpan tanpa lesen atau permit sah.

"Siasatan mendapati modus operandi digunakan adalah sebuah lori *bonded* diubahsuai dengan tangki jenis *Intermediate Bulk Containers*

(IBC) bagi mengisi diesel bersubsidi dari stesen minyak sekitar bandar raya," katanya.

Menurut Muhammad Nizam, diesel itu kemudiannya dibawa ke stor terbabit untuk pemindahan.

"Kita mengesyaki alat kawalan jauh digunakan untuk urusan pemindahan diesel menggunakan pam ke dalam tangki IBC," katanya.

Sehubungan itu, katanya, pasukan serbuan bertindak menyita 5,100 liter diesel dianggarkan bernilai RM10,965.

Muhammad Nizam berkata, sebuah lori, 10 unit tangki IBC dan peralatan digunakan memindah barang kawalan turut disita untuk tindakan lanjut.

"Jumlah sitaan keseluruhan dianggarkan bernilai RM30,765 dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

## Warga emas usia 70 tahun ditahan seludup 140 liter petrol

**BUKIT KAYU HITAM** - Seorang warga emas cuba menyeludup 140 liter petrol dengan mengubah suai tangki minyak kereta ditahan dalam satu pemeriksaan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam pada Selasa.

Lelaki tempatan berusia 70 tahun yang memandu Proton Waja bernombor pendaftaran tempatan ditahan ketika melalui laluan kenderaan untuk pemeriksaan.

Menurut kenyataan dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, pemeriksaan terhadap kenderaan tersebut mendapati ada tangki tambahan berisi petrol RON95 dalam anggaran 140 liter.

"Jumlah rampasan keseluruhan sebanyak RM5,337.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati tangki minyak kereta diubah suai sehingga

mampu mengisi 140 liter petrol," katanya.

Menurutnya, pemandu warga tempatan ditahan untuk siasatan lanjut.

KPDN Kedah memaklumkan, kes berkenaan dikesan dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Kedah.

Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan dibaca bersama Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Dalam pada itu, KPDN Kedah turut menasihatkan orang ramai melaporkan sebarang aktiviti penyelewengan barang bersubsidi melalui saluran yang disediakan antaranya WhatsApp 019-848 8000, aplikasi EZ-ADU KPDN atau talian Hotline KPDN 1-800-886-800.

Aduan juga boleh dilakukan ke pejabat KPDN Kedah di talian 04-7001745.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 30 MEI 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
30-May	JANGAN BUAT SPEKULASI HARGA BARANGAN AKAN NAIK, KATA MENTERI KPDN	<a href="https://barangmurah.my/berita/jangan-buat-spekulasi-harga-barangan-akan-naik-kata-menteri-kpdn/">https://barangmurah.my/berita/jangan-buat-spekulasi-harga-barangan-akan-naik-kata-menteri-kpdn/</a>	BARANG MURAH
30-May	Jangan buat spekulasi harga barangan akan naik, kata menteri KPDN	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/707023">https://www.malaysiakini.com/news/707023</a>	MALAYSIA KINI
30-May	Padah ubah suai tangki cuba seludup 140 liter petrol	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/667297/berita/semasa/padah-ubah-suai-tangki-cuba-seludup-140-liter-petrol">https://www.sinarharian.com.my/article/667297/berita/semasa/padah-ubah-suai-tangki-cuba-seludup-140-liter-petrol</a>	SINAR HARIAN
30-May	Lori isi minyak lama, bongkar kegiatan seleweng diesel	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/667280/berita/semasa/lori-isi-minyak-lama-bongkar-kegiatan-seleweng-diesel">https://www.sinarharian.com.my/article/667280/berita/semasa/lori-isi-minyak-lama-bongkar-kegiatan-seleweng-diesel</a>	SINAR HARIAN
30-May	Isi minyak terlalu lama, pemandu lori ditahan seleweng diesel bersubsidi	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/667266/berita/semasa/isi-minyak-terlalu-lama-pemandu-lori-ditahan-seleweng-diesel-bersubsidi">https://www.sinarharian.com.my/article/667266/berita/semasa/isi-minyak-terlalu-lama-pemandu-lori-ditahan-seleweng-diesel-bersubsidi</a>	SINAR HARIAN
30-May	Lelaki warga tempatan ditahan ketika isi diesel dalam lori diubah suai	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-warga-tempatan-ditahan-ketika-isi-diesel-dalam-lori-diubah-suai/">https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-warga-tempatan-ditahan-ketika-isi-diesel-dalam-lori-diubah-suai/</a>	BULETIN TV3
30-May	Pemandu lori ditahan ubah suai tangki seleweng diesel bersubsidi	<a href="https://selangorkini.my/2024/05/pemandu-lori-ditahan-ubah-suai-tangki-seleweng-diesel-bersubsidi/">https://selangorkini.my/2024/05/pemandu-lori-ditahan-ubah-suai-tangki-seleweng-diesel-bersubsidi/</a>	SELANGOR KINI
30-May	KPDN GAGALKAN AKTIVITI SELEWENG DIESEL BERSUBSIDI DI IPOH	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2302441">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2302441</a>	BERNAMA
30-May	KPDN gagalkan aktiviti seleweng diesel bersubsidi di Ipoh	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/kpdn-gagalkan-aktiviti-seleweng-diesel-bersubsidi-di-ipoh-GG12506527">https://thesun.my/cerita/berita/kpdn-gagalkan-aktiviti-seleweng-diesel-bersubsidi-di-ipoh-GG12506527</a>	THE SUN
30-May	KPDN gagalkan aktiviti seleweng diesel bersubsidi di Ipoh	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-gagalkan-aktiviti-seleweng-diesel-bersubsidi-di-ipoh-472587">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-gagalkan-aktiviti-seleweng-diesel-bersubsidi-di-ipoh-472587</a>	ASTRO AWANI

30-May	Seleweng minyak diesel, lelaki didenda RM30,000	<a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/ seleweng-minyak-diesel-lelaki-didenda-rm30-000">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/ seleweng-minyak-diesel-lelaki-didenda-rm30-000</a>	BERITA RTM
30-May	Syndicate misusing subsidised diesel crippled	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/05/29/syndicate-misusing-subsidised-diesel-crippled">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/05/29/syndicate-misusing-subsidised-diesel-crippled</a>	THE STAR
30-May	Syndicate misappropriating subsidised diesel crippled	<a href="https://thesun.my/local_news/syndicate-misappropriating-subsidised-diesel-crippled-BG12506733">https://thesun.my/local_news/syndicate-misappropriating-subsidised-diesel-crippled-BG12506733</a>	THE SUN
30-May	Domestic Trade Ministry cripples syndicate misappropriating subsidised diesel in Ipoh	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/05/29/domestic-trade-ministry-cripples-syndicate-misappropriating-subsidised-diesel-in-ipoh/137010">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/05/29/domestic-trade-ministry-cripples-syndicate-misappropriating-subsidised-diesel-in-ipoh/137010</a>	MALAY MAIL
30-May	KPDN Sabah catat nilai rampasan lebih RM3.2 juta atas pelbagai kesalahan	<a href="https://sabahmedia.com/2024/05/29/kpdn-sabah-catat-nilai-rampasan-lebih-rm3-2-juta-atas-pelbagai-kesalahan/">https://sabahmedia.com/2024/05/29/kpdn-sabah-catat-nilai-rampasan-lebih-rm3-2-juta-atas-pelbagai-kesalahan/</a>	SABAH MEDIA
30-May	KPDN catat RM3.2 juta rampasan dalam pemeriksaan 24,636 premis seluruh Sabah	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/29/kpdn-catat-rm32-juta-rampasan-dalam-pemeriksaan-24636-premis-seluruh-sabah">https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/29/kpdn-catat-rm32-juta-rampasan-dalam-pemeriksaan-24636-premis-seluruh-sabah</a>	UTUSAN BORNEO
30-May	Rakyat masih keliru	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/667221/berita/nasional/rakyat-masih-keliru">https://www.sinarharian.com.my/article/667221/berita/nasional/rakyat-masih-keliru</a>	SINAR HARIAN
30-May	Cukupkah RM200 sebulan untuk diesel?	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/667242/suara-sinar/cukupkah-rm200-sebulan-untuk-diesel">https://www.sinarharian.com.my/article/667242/suara-sinar/cukupkah-rm200-sebulan-untuk-diesel</a>	SINAR HARIAN
30-May	'Penyasaran subsidi diesel bukan alasan untuk naikkan harga barang'	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/707000">https://www.malaysiakini.com/news/707000</a>	MALAYSIA KINI
30-May	Pemandu bas sekolah mahu 'fleet card' SKDS 1.0 diganti bantuan tunai	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/707006">https://www.malaysiakini.com/news/707006</a>	MALAYSIA KINI
30-May	KPDN to take stern action on traders violating Gawai Dayak maximum price scheme	<a href="https://dayakdaily.com/kpdn-to-take-stern-action-on-traders-violating-gawai-dayak-maximum-price-scheme/">https://dayakdaily.com/kpdn-to-take-stern-action-on-traders-violating-gawai-dayak-maximum-price-scheme/</a>	DAYAK DAILY

30-May	KPDN beri kelulusan serta-merta pemohon Kad Diskaun Khas Menu Rahmah	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/05/kpdn-beri-kelulusan-serta-merta-pemohon-kad-diskaun-khas-menu-rahmah/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/05/kpdn-beri-kelulusan-serta-merta-pemohon-kad-diskaun-khas-menu-rahmah/</a>	UTUSAN MALAYSIA
30-May	2,800 peniaga dapat kelulusan automatik Kad Diskaun Khas Menu Rahmah	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/667344/berita/nasional/2800-peniaga-dapat-kelulusan-automatik-kad-diskaun-khas-menu-rahmah">https://www.sinarharian.com.my/article/667344/berita/nasional/2800-peniaga-dapat-kelulusan-automatik-kad-diskaun-khas-menu-rahmah</a>	SINAR HARIAN
30-May	Permohonan kad diskaun peniaga Menu Rahmah dipermudah	<a href="https://www.suarakeadilan.my/post/permohonan-kad-diskaun-peniaga-menu-rahmah-dipermudah">https://www.suarakeadilan.my/post/permohonan-kad-diskaun-peniaga-menu-rahmah-dipermudah</a>	SUARA KEADILAN
30-May	Lulus segera permohonan Kad Diskaun Khas Menu Rahmah	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2024/05/1252822/lulus-segera-permohonan-kad-diskaun-khas-menu-rahmah">https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2024/05/1252822/lulus-segera-permohonan-kad-diskaun-khas-menu-rahmah</a>	BERITA HARIAN
30-May	KPDN komited percepat proses Kad Diskaun Khas Menu Rahmah	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-komited-percepat-proses-kad-diskaun-khas-menu-rahmah">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-komited-percepat-proses-kad-diskaun-khas-menu-rahmah</a>	BERITA RTM
30-May	Permohonan, kelulusan Kad Diskaun Khas Menu Rahmah dipermudah - KPDN	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/permohonan-kelulusan-kad-diskaun-khas-menu-rahmah-dipermudah-kpdn-472646">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/permohonan-kelulusan-kad-diskaun-khas-menu-rahmah-dipermudah-kpdn-472646</a>	ASTRO AWANI
30-May	KPDN PROAKTIF PERMUDAH URUSAN MOHON KAD DISKAUN KHAS MENU RAHMAH	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2302596">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2302596</a>	BERNAMA
30-May	SHMMP Hari Gawai 2024 dilancar bermula hari ini - KPDN	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/shmmp-hari-gawai-2024-dilancar-bermula-hari-ini-kpdn">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/shmmp-hari-gawai-2024-dilancar-bermula-hari-ini-kpdn</a>	BERITA RTM
30-May	189 pegawai penguat kuasa KPDN Sarawak pastikan SHMMP Hari Gawai Dayak 2024 dipatuhi	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/29/189-pegawai-penguat-kuasa-kpdn-sarawak-pastikan-shmmp-hari-gawai-dayak-2024-dipatuhi">https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/29/189-pegawai-penguat-kuasa-kpdn-sarawak-pastikan-shmmp-hari-gawai-dayak-2024-dipatuhi</a>	UTUSAN BORNEO
30-May	Eight gazetted as price-controlled goods for Gawai	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/eight-gazetted-as-price-controlled-goods-for-gawai/">https://www.newsarawaktribune.com.my/eight-gazetted-as-price-controlled-goods-for-gawai/</a>	NEW SARAWAK TRIBUNE
30-May	Ministry implements max price scheme for Kaamatan	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/235179/ministry-implements-max-price-scheme-for-kaamatan-/">https://www.dailyexpress.com.my/news/235179/ministry-implements-max-price-scheme-for-kaamatan-/</a>	DAILY EXPRESS

30-May	Gawai 2024 maximum price scheme involves eight items, effective till June 4	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/05/29/gawai-2024-maximum-price-scheme-involves-eight-items-effective-till-june-4/">https://www.theborneopost.com/2024/05/29/gawai-2024-maximum-price-scheme-involves-eight-items-effective-till-june-4/</a>	THE BORNEO POST
30-May	KPDN catat RM3.2 juta rampasan dalam pemeriksaan 24,636 premis seluruh Sabah	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/29/kpdn-catat-rm32-juta-rampasan-dalam-pemeriksaan-24636-premis-seluruh-sabah">https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/29/kpdn-catat-rm32-juta-rampasan-dalam-pemeriksaan-24636-premis-seluruh-sabah</a>	UTUSAN BORNEO
30-May	KPDN catat RM3.2 juta rampasan dalam pemeriksaan 24,636 premis seluruh Sabah	<a href="https://www.sabahgazette.com/kpdn-catat-rm3-2-juta-rampasan-dalam-pemeriksaan-24636-premis-seluruh-sabah/">https://www.sabahgazette.com/kpdn-catat-rm3-2-juta-rampasan-dalam-pemeriksaan-24636-premis-seluruh-sabah/</a>	SABAH GAZETTE
30-May	KPDN Sabah catat nilai rampasan RM3.4 juta daripada 24,636 premis	<a href="https://sabahkini2.org/en/news/6207/kpdn-sabah-catat-nilai-rampasan-rm34-juta-daripada-24636-premis/view">https://sabahkini2.org/en/news/6207/kpdn-sabah-catat-nilai-rampasan-rm34-juta-daripada-24636-premis/view</a>	SABAH KINI
30-May	KPDN periksa hampir 1,000 premis di seluruh Sarawak pada 2023	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/29/kpdn-periksa-hampir-1000-premis-di-seluruh-sarawak-pada-2023">https://www.utusanborneo.com.my/2024/05/29/kpdn-periksa-hampir-1000-premis-di-seluruh-sarawak-pada-2023</a>	UTUSAN BORNEO
30-May	Sindiket seleweng diesel guna pam kawalan jauh	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1095468/sindiket-seleweng-diesel-guna-pam-kawalan-jauh">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/05/1095468/sindiket-seleweng-diesel-guna-pam-kawalan-jauh</a>	HARIAN METRO
30-May	Pindah minyak diesel guna alat kawalan jauh	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/667330/berita/semasa/pindah-minyak-diesel-guna-alat-kawalan-jauh">https://www.sinarharian.com.my/article/667330/berita/semasa/pindah-minyak-diesel-guna-alat-kawalan-jauh</a>	SINAR HARIAN
30-May	Sindiket seleweng diesel guna pam kawalan jauh	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1095468/sindiket-seleweng-diesel-guna-pam-kawalan-jauh">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/05/1095468/sindiket-seleweng-diesel-guna-pam-kawalan-jauh</a>	HARIAN METRO
30-May	Ops Tiris: Sindiket seleweng diesel bersubsidi tumpas	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/05/1252868/ops-tiris-sindiket-seleweng-diesel-bersubsidi-tumpas">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/05/1252868/ops-tiris-sindiket-seleweng-diesel-bersubsidi-tumpas</a>	BERITA HARIAN
30-May	KPDN N.SEMBILAN RAM-PAS 2,200 LITER DIESEL DI STESEN MINYAK	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2302570">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2302570</a>	BERNAMA
30-May	KPDN rampas 2,200 liter diesel di stesen minyak	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/kpdn-rampas-2200-liter-diesel-di-stesen-minyak/">https://www.buletintv3.my/jenayah/kpdn-rampas-2200-liter-diesel-di-stesen-minyak/</a>	BULETIN TV3
30-May	Pemimpin pusat, negeri har-gai peranan media	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/667317/berita/nasional/pemimpin-pusat-negeri-hargai-peranan-media">https://www.sinarharian.com.my/article/667317/berita/nasional/pemimpin-pusat-negeri-hargai-peranan-media</a>	SINAR HARIAN
30-May	PEMIMPIN PUSAT, NEGERI HARGAI PERAN-AN PENGAMAL MEDIA	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2302565">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2302565</a>	BERNAMA